

Headline **Perlu dampingi rakyat - Sultan Selangor**  
Date **19. Oct 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Mingguan Malaysia** Page No **20**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **235** cm2  
Circulation **483240** Frequency **Daily**  
Readership **1810000** Color **Full Color**  
AdValue **13042.48**



# Perlu dampingi rakyat – Sultan Selangor

**SERDANG** 18 Okt. – Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, universiti itu perlu mendampingi masyarakat untuk memimpin mereka dalam mengatasi isu-isu yang berlaku sekarang.

Dalam hubungan ini, titah baginda, kekayaan ilmiah dan penyelidikan yang dilaksanakan oleh UPM perlu dikongsi secara bersama dengan masyarakat.

“Sebagai sebuah universiti multi disiplin yang banyak menghasilkan penyelidikan, UPM seharusnya menggandakan usaha secara proaktif untuk memimpin masyarakat dalam mengatasi isu-isu yang berlaku sekarang.

“Isu seperti pemanasan global, krisis makanan, kesan kenaikan harga minyak, perubahan cuaca, kegawatan ekonomi, masalah sosial, kekeliruan politik, kurangnya usaha memupuk perpaduan serta integrasi perlu ditangani dengan matang dan penuh nilai intelektual,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Sesi Pertama Majlis Konvokesyen Ke-32 UPM di sini hari ini.

Pada majlis itu, Setiausaha Agung ASEAN,

Dr. Surin Pitsuwan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Falsafah (Ekonomi) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ahmad Zahid Hamidi pula antara 176 penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Sebanyak 7,846 graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam konvokesyen itu yang berlangsung selama lima hari bermula hari ini.

Dengan mengambil contoh isu pemanasan global dan kesan kenaikan harga minyak, Sultan Sharafuddin menyarankan pihak UPM supaya mencari penyelesaian segera untuk membawa masyarakat keluar daripada masalah tersebut.

“Kajian terhadap penghasilan biofuel dan biodiesel misalnya perlu dipertingkatkan serta diberi perhatian serius kerana ia berpotensi meringankan beban dan meleraikan kegusaran masyarakat,” titah baginda.

Baginda juga mahu melihat sumbangan UPM turut memberi impak kepada masyarakat global dan relevan dengan agenda pembangunan negara seperti isu pembangunan produk halal.

Titah baginda, inisiatif UPM menubuh-

kan Institut Penyelidikan Produk Halal sejak Julai 2006 diharap akan dapat memberi sumbangan besar dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab halal bertaraf dunia.

“Eksplotasi kajian-kajian untuk penyelesaian masalah dan merungkai kekusutan masyarakat perlu dijadikan agenda penting dalam fungsi universiti ini,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin juga gembira dengan tindakan UPM untuk muncul sebagai universiti bertaraf dunia dengan memilih menjadi ‘Peneraju Dunia dalam Pertanian Tropika Baru’.

Titah baginda, keputusan itu tepat kerana penerokaan dan penyelidikan dalam bidang pertanian ada hubungan tradisi dan asas penubuhan UPM.

“Beta percaya pencapaian matlamat menerajui dunia dalam pertanian ini perlu digembleng sepenuhnya agar manfaatnya boleh dinikmati secara bersama.

“Malaysia mempunyai khazanah alam yang nilai tingginya dan seharusnya ia dibangunkan dengan terancang agar eksploitasinya memanfaatkan bukan memudaratkan,” titah baginda.